



SIARAN MEDIA

UDA RAIKAN MEDIA DAN ANAK-ANAK RUMAH MAAHAD TAHFIZ AL-QURAN WADDIN DI PEKAN, PAHANG

Pekan, 18 Mac – Rentetan daripada kejayaan penganjuran Kembara Amal Bermotosikal UDA – Media Ride 2016 pada tahun lepas, UDA Holdings Berhad (UDA) sekali lagi telah mengadakan UDA - Media Ride 2017 melalui Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan pada 18 dan 19 Mac 2017.

Program tahunan UDA ini telah disertai oleh 100 penunggang motosikal berkuasa tinggi dengan tujuan untuk mengadakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan mengadakan gotong-royong bersama anak-anak daripada Sekolah Maahad Tahfiz Al-Quran Waddin. Antara aktiviti yang telah dilakukan bersama mereka ialah mengecat bangunan, menyumbangkan peralatan persekolahan seperti kerusi, meja dan komputer serta banyak lagi.

Konvoi kembara amal bermotosikal ini merupakan kali ke-dua diadakan oleh UDA yang di ketuai oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Shafei Abdullah yang juga merupakan Pengerusi UDA serta YBhg. Datuk Ahmad Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA. Program yang berlangsung selama dua (2) hari tersebut bermula di Lake Valley, Bandar Tun Hussein Onn (BTHO) dan seterusnya menuju ke Pekan, Pahang. Pada malamnya pula, para peserta diraikan dalam satu Majlis Makan Malam yang meriah yang digamatkan dengan persembahan karaoke. Pada malam tersebut juga, cabutan bertuah dan penyampaian hadiah kepada pemenang kategori "The Most Diva Rider", The Most Smart Rider, "The Most Sporting Rider Male & Female" turut dipertandingkan.

Pada hari kedua, UDA dengan kerjasama Ancasa Royale Pekan telah mengadakan program 'Master Chef' dengan anak-anak Sekolah Maahad Tahfiz Al-Quran Waddin bersama-sama dengan kesemua peserta 'UDA Ride 2017' yang terlibat. Sementara itu, UDA juga turut mengadakan sukaneka seperti 'Waiters Run' dan pelbagai lagi aktiviti yang menarik.

Menurut YBhg. Datuk Ahmad Abu Bakar, "UDA mengambil pendekatan dengan mengadakan program ini untuk mengeratkan lagi hubungan yang terjalin di antara UDA dan juga para pengamal media yang sentiasa berdiri teguh di belakang UDA selama ini di samping memperkenalkan produk-produk hartanah UDA kepada masyarakat umum. Program ini juga merupakan wadah terbaik untuk menzahirkan Tanggung Jawab Sosial Korporat (CSR) UDA kepada golongan yang kurang berkemampuan. UDA amat berharap dengan sumbangan ikhlas ini akan membawa keceriaan kepada anak-anak yatim dan golongan asnaf di sekitar Daerah Pekan ini. UDA juga dengan kerjasama dengan Ancasa Royale Pekan akan membantu untuk memperkenalkan Rumah Tun Abdul Razak melalui pakej pelancongan mereka dan pada masa yang sama juga pihak kami akan membantu dalam kerja-kerja pembersihan bagi mencantikkan lagi kawasan rumah tersebut dari masa ke semasa."

Selesai bergotong royong dan menjamu selera, para peserta seterusnya meneruskan konvoi pulang ke Kuala Lumpur pada jam 3.00 petang.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di

Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari www.uda.com.my.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Puan Radziah Mohamed Fadzil

Bahagian Pemasaran & Komunikasi Korporat

UDA Holdings Berhad

Blok Menara, Kompleks Pertama, Jalan Tuanku
Abdul Rahman

50100, Kuala Lumpur

Tel : 03- 2730 8595/0173377630

Puan Norazuana Abdullah

Bahagian Pemasaran & Komunikasi Korporat

UDA Holdings Berhad

Blok Menara, Kompleks Pertama, Jalan Tuanku
Abdul Rahman

50100, Kuala Lumpur

Tel : 03- 2730 8500 ext 2817/0192239153